

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan penggunaan tenaga mengikut sumber dan setakat manakah Kementerian memberi insentif untuk industri tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2021, jumlah kapasiti terpasang dalam pembekalan elektrik negara berdasarkan pecahan sumber adalah seperti berikut:

(i) Gas	: 14,276MW (38%)
(ii) Arang Batu	: 12,994MW (35%)
(iii) MFO/Diesel	: 834MW (2%)
(iv) Tenaga Boleh Baharu	: 8,521MW (22%)
(v) Lain-lain	: 868MW (3%)

2. Bagi menggalakkan pemaju tempatan untuk terus melaksanakan projek-projek TBB bagi menyokong agenda pembangunan lestari negara, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif seperti berikut:

- (i) *Green Investment Tax Allowance* (GITA) yang memberikan Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal seperti pelaburan dan perolehan aset hijau yang layak;
- (ii) *Green Income Tax Exemption* (GITE) yang memberikan pengecualian cukai pendapatan (*income tax exemption*) ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau; dan
- (iii) Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) yang menawarkan rebat sebanyak 2% daripada kadar faedah pinjaman bank yang dikenakan untuk tujuh tahun pertama pelaksanaan projek, serta jaminan Kerajaan sebanyak 60% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.